

## "PENCEGAHAN DADAH BERMULA DARI RUMAH"

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ  
وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredhai oleh Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Ibu bapa hendaklah sentiasa mendampingi anak-anak dan janganlah terlalu mengharap atau menyerahkan tanggungjawab kepada pihak lain sehingga anak-anak merasa terbiar dan tidak dipedulikan menyebabkan mereka mudah terpengaruh dan mengambil jalan mudah sehingga terjerumus ke kancah penagihan dadah.

Terdapat dua faktor utama yang menjerumuskan anak-anak ke dalam kancah penagihan dadah iaitu faktor keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Ibu bapa memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk dan mendidik anak-anak untuk menjadi seorang insan yang sempurna. Oleh yang demikian, peranan untuk mendidik anak-anak adalah bermula sejak mereka kecil. Ini termasuklah tugas pencegahan bagi memastikan anak-anak tidak terjebak kepada penyalahgunaan dadah.

Pemantauan sepenuhnya terhadap segala gerak geri anak-anak perlu sentiasa dilakukan. Ibubapa perlu lebih prihatin dengan perubahan tingkahlaku anak-anak seperti perubahan emosi seperti menjadi pmarah, perengus, agresif, melawan orang tua atau menjadi terlalu pendiam serta tidak mahu terlibat dengan aktiviti keluarga atau mengasingkan diri. Antara tanda lain seperti ponteng sekolah, kemerosotan pencapaian akademik, bergaul dengan rakan-rakan yang keciciran sekolah, tidak tidur malam, balik rumah lewat dan sering meminta duit berlebihan setiap hari.

Kegagalan ibu bapa untuk memantau perkembangan dan perubahan tingkahlaku anak-anak akan menyebabkan anak-anak mudah terjebak dalam aktiviti yang tidak bermoral termasuklah ke kancah penyalahgunaan dadah.

Selain itu, krisis rumah tangga antara ibu dan bapa juga merupakan faktor penyumbang kepada masalah tersebut. Ia memberi kesan yang mendalam kepada anak-anak yang masih memerlukan perhatian dan kasih sayang ibu bapa. Anak-anak akan cuba mengambil jalan yang salah sebagai satu cara untuk melepaskan perasaan atau mengendalikan gangguan emosi mereka. Dalam keadaan ini pengaruh rakan sebaya lebih kuat daripada pengaruh ibu bapa. Anak-anak lebih

mempercayai kawan-kawan mereka berbanding dengan ibu bapa, sehingga mereka tidak dapat membezakan perkara yang baik dan buruk. Akhirnya mereka tewas sehingga melakukan perkara-perkara yang salah di sisi undang-undang dan yang paling mendukacitakan perkara-perkara tersebut juga dimurkai oleh Allah Subhanahuwa taala. Rasulullah saw bersabda dalam hadis riwayat Imam Ahmad :

الْمَرْءُ عَلَى دِينِ خَلِيلِهِ فَلْيَنْظُرْ أَحَدُكُمْ مَنْ يُخَالِلُ

Yang bermaksud : *seseorang itu mengikut agama(akhlak) kawannya, maka lihatlah dengan siapa kamu berkawan.*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahuwa Taala,

Beberapa langkah pencegahan yang mesti dilaksanakan oleh ibu bapa bagi mengelakkan anak-anak daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah, antaranya, memberikan didikan agama yang sempurna dengan memastikan anak-anak dapat melaksanakan ibadat kepada Allah seperti solat lima waktu dengan berjemaah di masjid. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah Taha ayat 132:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأْمُرْ أَهْلَكَ بِالصَّلَاةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا لَا نَسْأَلُكَ رِزْقًا نَحْنُ نَرْزُقُكَ وَالْعَاقِبَةُ لِلتَّقْوَى ﴿١٣٢﴾

Yang bermaksud: *Dan perintahkanlah keluargamu serta umatmu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya. Kami tidak meminta rezeki kepada-Mu, (bahkan) Kamilah yang memberi rezeki kepadamu. dan (ingatlah) kesudahan yang baik adalah bagi orang yang bertaqwa.*

Hubungan yang baik atau jalinan yang erat antara ahli keluarga perlulah sentiasa disemai dengan kasih sayang agar anak-anak mendapat sepenuh perhatian daripada ibu bapa. Dengan demikian Ibu bapa dapat memantau segala tindak tanduk anak dari semasa ke semasa. Ini dapat mencegah anak-anak daripada terlibat dengan perkara-perkara negatif termasuk penyalahgunaan dadah. Apabila anak-anak melakukan kesalahan, maka Ibu bapa hendaklah menegur agar mereka tahu perkara yang baik dan yang salah. Asuhlah anak-anak seperti kata pepatah Melayu “melentur buluh biarlah dari rebungnya” kerana apabila sudah menjadi buluh, ia sudah terlewat.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Syu'ara', ayat 214:

وَأَنْذِرْ عَشِيرَتَكَ الْأَقْرَبِينَ ﴿٢١٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan berilah peringatan serta amaran kepada kaum kerabatmu yang dekat.”*

Ibu bapa hendaklah mengambil berat setiap perkembangan atau perubahan anak-anak. Ibu bapa yang prihatin akan melakukan pemeriksaan bilik dan barang-barang peribadi anak-anak dari semasa ke semasa bagi memastikan tiada barang-barang yang terlarang berada dalam simpanan anak-anak.

Selain itu, ibu bapa perlu mengetahui dengan siapa anak-anak berkawan. Sama ada sewaktu di sekolah mahupun pun sewaktu di luar persekolahan. Secara tidak langsung, ibu bapa dapat bertindak lebih awal jika mengesyaki sesuatu yang tidak baik berlaku kepada anak-anak.

Doa adalah senjata bagi orang mukmin, maka bermohonlah kepada Allah agar anak-anak menjadi seorang yang berakhlak baik dan berbudi pekerti yang mulia serta terpelihara daripada sebarang anasir negatif. Firman Allah taala dalam surah al-Furqan ayat 74:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud: “Ya Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyenang hati (kami), dan jadikanlah kami imam bagi orang-orang yang bertakwa.”

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.